

**STATUS SOSIO EKONOMI DAN KOMITMEN IBU BAPA TERHADAP  
PENCAPAIAN PELAJAR DALAM PENILAIAN MENENGAH RENDAH,  
MALAYSIA**

---

**Mohamad Johdi Salleh, PhD**

**Che Noraini Hashim, PhD**

**Ismael Hassanaen, PhD**

International Islamic University Malaysia (IIUM)

**Amir Hasan Dawi, PhD**

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

**Abstrak**

Kajian ini membincangkan tentang status sosio ekonomi (SSE) serta komitmen ibu bapa terhadap pencapaian pelajar dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR), Malaysia. Di antara objektif-objektifnya ialah mengenalpasti perbezaan prestasi akademik pelajar SSE tinggi, SSE pertengahan dan SSE rendah; meneroka faktor-faktor berlakunya perbezaan prestasi akademik di antara pelajar-pelajar daripada golongan-golongan kelas sosial di atas; mengenalpasti pengaruh atau komitmen ibu bapa terhadap prestasi anak-anak mereka dalam peperiksaan; dan, mengetahui komitmen ibu bapa daripada golongan SSE tinggi, pertengahan dan rendah dalam membantu mencapai kejayaan. Kajian ini dijalankan di beberapa buah sekolah di Selangor, Malaysia, melibatkan pelajar-pelajar Tingkatan Empat terdiri daripada kelas cemerlang, kelas sederhana, dan kelas paling rendah pencapaian PMR mereka. Penyelidik turut menemubual beberapa orang guru untuk menjelaskan persoalan berkaitan kajian. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik, temu bual, dan penelitian dokumentasi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesungguhan usaha dan ketinggian komitmen telah terbukti menghasilkan perubahan dan kejayaan kedudukan iaitu bukan semua pelajar dari golongan SSE rendah akan menghadapi kegagalan. Pengalaman membesar dalam kemiskinan telah menjadikan mereka seorang dewasa berketerampilan, tinggi jati diri, jitu pendirian, sakhshiah berkualiti, lantas berperanan positif-konstruktif dalam keluarga, masyarakat, dan negara, bahkan sebahagian telah terserlah ke tahap persada dunia. Anjakan ini amat berkait-rapat dengan sikap guru-guru, ibu bapa dan masyarakat sekeliling yang mendorong khasnya pelajar-pelajar dengan cara memahami, menyayangi, dan menghargai kesungguhan mereka untuk berjaya di dalam pelajaran. Sesungguhnya paradigma ini boleh direalisasikan dengan ikhtiar dan tawakkal sebagai manusia ciptaan Allah SWT yang Maha Pemurah dan Penyayang.

**PENGENALAN**

Latar belakang status sosio ekonomi (SSE) merangkumi aspek bilangan isi keluarga, pendapatan ibu bapa, pekerjaan ibu bapa dan aspirasi sesebuah keluarga, yang lazimnya dikaitkan dengan komponen teras sosial dan ekonomi. Ahli-ahli sosiologi, termasuk Max Weber bersetuju terhadap lima kelas sosial di dalam masyarakat iaitu golongan atasan, pertengahan atasan, kelas pertengahan bawah, kelas pekerja dan golongan bawahan. Kedudukan SSE sedemikian turut mempengaruhi kanak-kanak yang secara langsung dan tidak langsung belajar daripada persekitaran fizikal, sosial dan iklim dalam dunia mereka dibesarkan. Ketinggian SSE sering dikaitkan dengan berinisiatif tinggi, bermotivasi, dan penyerlahan pelbagai kejayaan. Manakala, status SSE rendah pula dikolompokkan dalam kepapaan, kemiskinan, pengasingan daripada arus perdana kemajuan, kegetiran kehidupan, kais pagi makan pagi yang petang tiada kepastian, dan pelbagai musyabah kegagalan kehidupan. Mereka dilabelkan sebagai sering berputus asa dan sukar menerima kenyataan. Ini menyebabkan mereka sukar merancang masa depan dan sering menjadi mangsa keadaan sehingga berterusan dalam lingkaran 'putaran ganas kemiskinan'.

Kemelut ini berterusan merebak persis wabak iaitu masyarakat umum melabelkan ibubapa SSE rendah tidak mempunyai cita-cita yang tinggi terhadap pencapaian anak-anak mereka di sekolah. Situasi ini berlaku kerana ibubapa tidak menggalakkan cita-cita mereka dengan tidak menghiraukan pelajaran mereka. Walaupun kanak-kanak ini mempunyai cita-cita untuk berjaya tetapi gagal mencapai cita-cita tersebut kerana tidak mendapat dorongan dan sokongan sewajarnya daripada ibu bapa sendiri. Alasan yang sering diberi oleh ibu bapa ialah dengan menyatakan bahawa mereka tidak memiliki kelayakan akademik dan tidak mempunyai masa yang secukupnya untuk membantu anak-anak di dalam pelajaran dan ini akan menjadi situasi 'si buta memimpin si buta'.

Sesungguhnya dimensi bias ini boleh berubah dengan ikhtiar dan tawakkal sebagai manusia ciptaan Allah SWT yang Maha Pemurah dan Penyayang. Kesungguhan usaha dan ketinggian komitmen telah terbukti menghasilkan perubahan dan kejayaan kedudukan iaitu bukan semua pelajar dari golongan SSE rendah akan menghadapi kegagalan. Pengalaman membesar dalam kemiskinan telah menjadikan mereka seorang dewasa berketerampilan, tinggi jati diri, jitu pendirian, sakhshiah berkualiti, lantas berperanan positif-konstruktif dalam keluarga, masyarakat, dan negara, bahkan sebahagian telah terserlah ke tahap persada dunia. Anjakan ini amat berkait-rapat dengan sikap guru-guru, ibu bapa dan masyarakat sekeliling yang mendorong khasnya pelajar-pelajar dengan cara memahami, menyayangi, dan menghargai kesungguhan mereka untuk berjaya di dalam pelajaran. Ini kerana mereka lebih yakin dan akan terus berusaha hingga berjaya.

Oleh itu, peranan ibubapa dalam mencorakkan pendidikan anak-anak mereka adalah penting. Tahap ekonomi keluarga seperti tahap kekayaan atau kemiskinan juga memberi kesan terhadap pencapaian anak-anak di sekolah. Paling penting ialah komitmen ibu bapa dan guru yang boleh diklasifikasikan sebagai usaha dan ikhtiar paling efektif dalam menempa, mengukir, dan menjana kecemerlangan pelajar.

## **TINJAUAN LITERATUR**

Beberapa kajian lepas telah dijalankan untuk memperlihatkan pengaruh latar belakang keluarga dan komitmen ibu bapa seseorang pelajar terhadap pencapaian dalam pelajaran. Latarbelakang sosial keluarga bermaksud saiz keluarga, pendapatan ibu-bapa, pekerjaan ibu-bapa dan aspirasi keluarga.

Ishak Haron (1977) dalam kajiannya menyatakan terdapat pengaruh taraf sosio-ekonomi yang berbeza ke atas pencapaian akademik pelajar di kalangan kumpulan-kumpulan etnik, kelas sosial dan tempat tinggal mereka di kalangan masyarakat di Malaysia. Pengaruh yang ketara ialah kelas sosial yang wujud di dalam sesuatu komuniti atau masyarakat. Pelajar dari kelas sosio-ekonomi yang tinggi memperolehi purata pencapaian yang tinggi berbanding dengan pelajar dari keluarga yang berstatus sosio-ekonomi rendah. Perkara ini terserlah dalam kajian sekumpulan penyelidik Universiti Malaya (Leong Yin Ching dan lain-lain, 1990) mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar. Kajian ini mendapati status sosio ekonomi merupakan faktor utama bagi menentukan kejayaan seseorang pelajar terutama pada peringkat sekolah rendah (29.0%) dan berkurangan pada peringkat menengah (PMR 16.0% dan SPM 9.0%). Walau bagaimanapun, faktor sosioekonomi tidak mempengaruhi pelajar pada peringkat STPM. Kajian ini juga menjelaskan bahawa sosioekonomi keluarga juga mempengaruhi sikap pelajar terhadap aspirasi, motivasi, konsep sendiri, dan penyertaan dalam aktiviti kokurikulum.

### **Pengaruh SSE dalam Pencapaian Pelajar:**

#### **Kajian Kemiskinan**

Kajian-kajian kemiskinan dan pembangunan desa sering menunjukkan tahap pendidikan keluarga miskin adalah rendah (Fong Chan Onn dalam INTAN 1991; Unit Penyelidikan Sosioekonomi Rakyat, 1990). Contohnya, Kajian Sosioekonomi Rakyat Termiskin (Chamhuri, 1994 dalam Chamhuri, 2001) mendapati tahap pendidikan keluarga termiskin adalah lebih rendah berbanding bukan miskin iaitu antara 65-92 peratus ketua isi rumah termiskin cuma tamat sekolah rendah dan hanya 1-16 peratus tamat sekolah menengah rendah. Ahli isi rumah termiskin juga mempunyai tahap pendidikan yang rendah iaitu antara 29-77 peratus tamat sekolah rendah. Masalah kemiskinan, kesempitan hidup, dan kewangan menyebabkan ibu bapa tidak mampu untuk menampung perbelanjaan sekolah anak-anak. Pelajar yang miskin didapati bekerja untuk membantu menyara keluarga, membantu ibu bapa bekerja di sawah, ladang, kebun, laut, atau mengusahakan perniagaan keluarga; dan membantu kerja rumah serta menjaga adik-adik ketika ibu bapa bekerja.

Manakala keluarga yang kurang berkemampuan menghadapi masalah untuk membeli peralatan dan bahan pembelajaran, membayar yuran sekolah, tambang bas, dan membeli cermin mata (BPPDP, 1996). Ada juga keluarga kurang berkemampuan yang mengharapkan anak-anak untuk bekerja bagi membantu keluarga. Keluarga miskin juga kurang mampu menyediakan rumah yang selesa untuk seisi keluarga menyebabkan suasana tidak kondusif untuk menjadi tempat belajar.

Hubungan kemiskinan dengan pencapaian dikaitkan juga dengan kesan negatif terhadap perkembangan minda. Kesan ini termasuk *food deprivation* yang mempengaruhi konsentrasi dan pembelajaran harian; kekurangan nutrien atau zat yang mempengaruhi pembesaran, kekurangan

pengawasan oleh ahli dewasa dan penjagaan anak yang akan menghad pembelajaran; kekurangan stimulasi yang mengakibatkan kekurangan motivasi untuk belajar dan melambatkan perkembangan kognitif; tingkah laku yang bermasalah; sikap sendiri yang rendah; buta huruf dan pencapaian rendah; gangguan kepada kehadiran ke sekolah dan tercicir dari sekolah; dan kekurangan kemasukan ke universiti.

## **Kajian Kekayaan**

Anak daripada keluarga berpendapatan tinggi dan berpendidikan menikmati persekitaran pembelajaran yang menggalakkan. Hal ini boleh membawa kepada pencapaian pelajar yang menggalakkan di sekolah. Amy J. Orr (2003) mengatakan kekayaan boleh mempengaruhi pencapaian akademik secara positif. Perbezaan pencapaian pelajaran bukan sahaja antara etnik kerana perbezaan kekayaan tetapi juga dalam sesama etnik sendiri pun juga begitu. Ibubapa yang mempunyai pendapatan kukuh kurang mendapat masalah dalam melancarkan anak-anak mencapai pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Murid daripada sttus sosio-ekonomi tinggi mendapat pencapaian akademik yang lebih baik berbanding dengan murid daripada status sosio-ekonomi rendah dan sederhana. Keluarga yang berada mempunyai peluang-peluang yang lebih untuk membeli bahan pendidikan atau mengadakan kelas bimbingan tambahan. Persekitaran pembelajaran yang lebih baik boleh diadakan apabila pendapatan keluarga tinggi.

Masa kini terdapat ahli sosiologi seperti Amy J. Orr (2003) begitu giat dalam mengkaji hubungan antara kekayaan dengan pencapaian pelajaran. Dalam “Black-White Differences in Achievement - The Importance of Wealth” Orr (2003) mengatakan:

1. kekayaan boleh mempengaruhi pencapaian akademik;
2. orang kulit hitam (black-american) mempunyai kurang kekayaan berbanding orang kulit putih (white-americans) kerana terhad keupayaan mengumpul kekayaan mempengaruhi pencapaian anak-anak mereka;
3. aspirasi kanak-kanak, ekspektasi untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi, sumber-sumber pendidikan, kualiti sekolah, penerimaan sosial dan estim sendiri dipengaruhi secara langsung dan tidak langsung status sosio-ekonomi keluarga; dan,
4. ibubapa yang mempunyai pendapatan kukuh menggalakkan mereka melanjutkan pelajaran ke universiti. Sokongan ibubapa mempunyai kesan positif terhadap motivasi dan aspirasi murid sekolah.

Memang jelas bahawa ibu bapa dan latar belakang keluarga mempunyai pengaruh dan berperanan penting dalam mencorakkan pendidikan anak-anak serta menentukan hala tuju kehidupan mereka. Masa yang terbanyak seharian anak-anak ialah bersama ibu bapa di rumah dengan keluarga. Pada fitrah waras ibu bapa amat seronok untuk berada bersama anak-anak dan ahli keluarga. Seharusnya, peluang ini digunakan sebaik-baiknya secara konstruktif dan inovatif oleh ibu bapa.

## **Pencapaian Pelajar Dan Komitmen Ibu Bapa:**

Sejak dilahirkan pembentukan sahsiah, sikap serta persepsi seseorang individu terhadap kehidupan akan datang banyak dipengaruhi oleh keluarganya. Rasulullah s.a.w. bersabda,

“Setiap anak itu dilahirkan dalam keadaan yang suci (fitrah), ibu bapanyalah yang akan menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi.” Latar belakang keluarga seperti status ekonomi, pegangan agama, budaya keluarga, sikap ibu bapa terhadap nilai pendidikan akan menjadi asas pembentukan identiti individu pelajar. Pendidikan pada peringkat awal yang diperolehi di rumah serta sokongan dan dorongan keluarga akan menjadi asas kepada kejayaan pelajar pada peringkat persekolahan seterusnya.

Pelajar-pelajar dari keluarga berpendapatan tinggi mempunyai kecenderungan untuk mempunyai aspirasi tinggi, ekspektasi tinggi dan pencapaian akademik tinggi. Keluarga yang berpendidikan dan berpendapatan tinggi mampu mengadakan persekitaran belajar yang sesuai dan baik. “*Family income correlates moderately with achievement in mathematics*” (Alvarez 1989:82)

Manakala anak-anak daripada keluarga berpendapatan sederhana berkecenderungan mempunyai aspirasi tinggi, kesan daripada status ibubapa yang memberi tekanan kepada anak-anak untuk berjaya. Aspirasi ibu-bapa mempengaruhi anak-anak dalam cita-cita dan minat kerjaya. Kajian Phillips (1987) mendapati ibubapa mempunyai pengaruh kuat terhadap anak-anak dalam perlakuan, sikap dan pencapaian mereka.

Menurut Gardner (dalam Mohamad Daud, 1994), kanak-kanak yang hidup bersama ibu bapa akan memperoleh nilai kelas sosial yang diamalkan oleh keluarga. Keluarga golongan kelas sosial bawahan selalunya besar, kurang berkemampuan, dan ibu bapa kurang memberi perhatian individu kepada anak-anak. Ibu bapa ini mempunyai harapan rendah terhadap anak-anak, berbual tentang topik yang terbatas, dan mahukan anak-anak mengikut perintah mereka. Manakala keluarga daripada kelas sosial menengah selalunya kecil, menaruh harapan tinggi terhadap anak-anak, sentiasa bekerjasama, dan berusaha untuk memastikan supaya anak-anak mereka mendapat pencapaian yang lebih tinggi. Anak-anak mereka juga mempunyai sifat sendiri yang tinggi.

Ibu bapa kanak-kanak SSE rendah lebih mementingkan peraturan daripada pembelajaran. Peraturan kepada mereka adalah salah satu elemen yang amat penting dalam kehidupan mereka terutama anak-anak mereka. Pada pendapat mereka, dengan peraturan sahajalah anak-anak mereka boleh terselamat di dalam dunia mereka yang dianggap kejam. Jelas di sini menunjukkan ibu bapa dari SSE rendah lebih mementingkan *survival* anak-anak mereka daripada pendidikan.

Kajian Kes Mengenai Keciciran di Sekolah Menengah (BPPDP, 1996) menggariskan sikap negatif ibu bapa atau keluarga terhadap pendidikan termasuklah tidak atau kurang mengambil berat terhadap pendidikan anak, kurang kesedaran tentang kepentingan pelajaran, lebih suka anak bekerja daripada bersekolah, dan membiarkan anak ponteng sekolah.

Terdapat juga kajian Drop-out & Low Achievement – Case Studies in Selected Primary Schools in Malaysia (EPRD, 1994) mendapati pelajar yang tercicir dan berprestasi rendah adalah daripada keluarga yang kurang memberi sokongan terhadap pendidikan anak-anak mereka, kurang mengawasi kemajuan pelajaran anak-anak, tidak menyemak kerja sekolah, menyerah tugas membantu pelajaran kepada anak yang lebih tua, dan lebih suka anak menolong kerja di rumah daripada bersekolah. Terdapat juga keluarga yang kurang mementingkan pendidikan dengan memaksa anak perempuan berkahwin bagi mengurangkan beban keluarga atau tidak menggalakkan anak perempuan belajar ke peringkat tinggi. Selain daripada itu,

terdapat juga keluarga yang kurang memperuntukkan wang kepada pendidikan anak tetapi lebih mementingkan kebendaan, penjagaan status, dan hiburan.

Hubungan yang rapat antara keluarga dan sekolah dapat membantu pelajar untuk berjaya dalam pelajaran. Walau bagaimanapun, dapatan awal Kajian Penilaian Program Intervensi JPN bagi Menangani Keciciran di Sekolah Menengah (BPPDP, 2001b) menunjukkan masih terdapat ibu bapa yang melepaskan tanggungjawab mendidik dan membimbing anak mereka kepada pihak sekolah, sering tidak menghadirkan diri apabila dipanggil untuk berjumpa pihak sekolah, meminta orang lain seperti jiran untuk mengambil rekod kemajuan pelajar, dan kurang mengambil peluang untuk melibatkan diri dalam Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG).

Terdapat juga ibu bapa yang enggan melayan atau membalas surat sekolah tentang masalah pembelajaran atau ponteng sekolah anak-anak mereka. Keadaan ini menyebabkan ibu bapa atau keluarga tidak mengetahui tentang pencapaian sebenar anak mereka dalam pelajaran dan kurang memberikan komitmen terhadap program pendidikan di sekolah sama ada dalam bentuk tenaga, masa atau wang ringgit.

Beberapa kajian mendapati bahawa beberapa ciri persekitaran keluarga mempengaruhi pencapaian akademik murid sekolah. Status sosio-ekonomi keluarga (Phillips 1987, Abdullah et. al. 1988, Alvarez 1989), latarbelakang budaya (Stigler et. al. 1982) merupakan antara pembolehubah yang mempengaruhi pencapaian.

Hess dan Holloway (1984), mengenalpasti lima faktor keluarga yang mempengaruhi pencapaian anak-anak iaitu i) interaksi lisan antara ibu dan anak, ii) ekspektasi ibubapa dalam soal pencapaian, iii) hubungan yang berkesan antara ibu-bapa dan anak-anak, iv) kepercayaan ibu bapa terhadap keupayaan anak-anak, dan v) kawalan strategik dan disiplin dalam keluarga.

Terdapat ibu bapa yang membiarkan anak mereka bekerja sambil selepas waktu sekolah, keadaan ini menyebabkan pelajar mengabaikan pelajaran mereka kerana peluang pekerjaan yang begitu banyak kini dan ditawarkan gaji yang lumayan bagi pendapat anak-anak tersebut. Terdapat juga sebilangan pelajar yang terus bekerja selepas waktu persekolahan daripada melanjutkan pembelajaran ke peringkat tinggi.

Kajian Kes Mengenai Keciciran di Sekolah Menengah (BPPDP, 1996) menunjukkan kemudahan memperoleh pekerjaan dari kilang-kilang yang berdekatan sekolah boleh mempengaruhi pelajar untuk meninggalkan bangku sekolah, khususnya bagi mereka yang memang bercita-cita untuk bekerja. Masyarakat di luar bandar, umumnya, tidak ada *role model* yang boleh memotivasikan pelajar SSE rendah untuk berjaya dan cemerlang dalam akademik (EPRD, 1994; BPPDP, 1996).

Berdasarkan kepada apa yang dinyatakan di atas, maka satu kajian mengenai pengaruh latar belakang status sosio ekonomi serta komitmen ibu bapa terhadap pencapaian pelajar dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) perlu dijalankan.

## **METODOLOGI KAJIAN**

## **Objektif Kajian**

Kajian tentang status sosio ekonomi (SSE) serta komitmen ibu bapa terhadap pencapaian pelajar dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) dijalankan berdasarkan objektif-objektif berikut:

- 1.3.1 Mengenalpasti perbezaan prestasi akademik pelajar SSE tinggi, SSE pertengahan dan SSE rendah. Kajian ini akan cuba meneroka apakah perbezaan yang menyebabkan berlakunya perbezaan prestasi akademik di antar pelajar-pelajar daripada golongan-golongan kelas sosial di atas.
- 1.3.2 Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti sama ada pengaruh SSE merupakan faktor yang mempengaruhi prestasi akademik pelajar di dalam sesuatu golongan SSE.
- 1.3.3 Mengkaji dan meneliti sama ada pengaruh atau komitmen ibu bapa dapat membantu serta mempertingkatkan lagi prestasi anak-anak mereka dalam peperiksaan tanpa mengira SSE.
- 1.3.4 Untuk mengetahui dan mengenal pasti komitmen ibu bapa daripada golongan SSE tinggi, pertengahan dan rendah.
- 1.3.5 Mengenalpasti kelebihan, kemudahan atau pun bantuan yang diperolehi oleh pelajar SSE tinggi dan rendah dalam membantu mencapai kejayaan.

## **Soalan-soalan Kajian**

Berikut adalah soalan soalan kajian berdasarkan objektif-objektif kajian di atas:

- 1.4.1. Bagaimanakah prestasi akademik pelajar SES tinggi dan SES rendah ?
- 1.4.2. Benarkah SES mempengaruhi pencapaian akademik pelajar?
- 1.4.3. Sejauh manakah komitmen ibu bapa dalam membantu meningkatkan prestasi anak-anak mereka dalam peperiksaan?
- 1.4.4. Apakah komitmen ibu bapa SES tinggi dan SES rendah dalam membantu anak-anak mereka mencapai kejayaan?
- 1.4.5. Apakah kelebihan-kelebihan yang diperolehi oleh pelajar SES tinggi dan SES rendah dalam membantu mencapai kejayaan dalam PMR?

## **Sampel Kajian**

Kajian ini dijalankan di lima buah sekolah di Daerah Gombak, Selangor, Malaysia. Daerah ini dipilih kerana mempunyai pelbagai ciri yang boleh memenuhi persoalan dalam objektif kajian. Seramai 425 orang pelajar tingkatan empat telah terlibat yang terdiri daripada 200 orang pelajar dari kelas pertama iaitu kelas cemerlang, 135 orang dari kelas sederhana, dan 90 orang pelajar dari kelas belakang iaitu pelajar yang paling rendah pencapaian akademik

mereka. Penyelidik turut menemubual 20 orang guru yang dipilih secara rawak dari beberapa buah sekolah yang terlibat dengan kajian ini untuk menjawab drngan lebih jelas soalan-soalan berkaitan kajian.

Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik, temu bual, dan penelitian dokumentasi. Satu set soal selidik telah digunakan untuk tujuan pungutan data kajian, iaitu soal selidik kajian tentang Latar Belakang Status Sosio-Ekonomi (SES) Pelajar dan Komitmen Ibu Bapa Terhadap Pencapaian Pelajar Dalam Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Pengkaji telah menemubual beberapa orang guru yang mempunyai banyak pengalaman serta pengetahuan mendalam berkenaan topik kajian ini. Temubual ini dilakukan untuk memberi sokongan terhadap dapatan yang kami perolehi daripada soal selidik dan dokumen-dokumen seperti buku, artikel, journal dan juga akhbar.

## **DAPATAN KAJIAN**

Berdasarkan kajian ini, pengkaji mengkategorikan pencapaian pelajar kepada 4 kategori; Kategori pertama: sangat cemerlang iaitu pelajar yang mendapat keputusan 6A dan lebih. Kategori kedua: cemerlang; pelajar yang mendapat 5A hingga 3A. Kategori ketiga: kategori kurang cemerlang; iaitu pelajar yang mendapat 2A hingga 1A dalam PMR. Kategori yang keempat ialah tidak cemerlang; pelajar yang tidak mendapat sebarang A dalam keputusan PMR mereka.

Pelajar-pelajar dibahagikan mengikut kelas sosial dan ekonomi (SSE) mereka berasaskan jumlah pendapatan seisi rumah dalam keluarga. Mereka di kategorikan kepada empat iaitu; pertama pendapatan RM 4000 dan lebih untuk SSE tinggi, kedua pendapatan RM3000-RM4000 untuk SSE sederhana tinggi. Ketiga: pendapatan RM 2000-RM3000 seisi rumah bagi SSE sederhana dan keempat pendapatan seisi rumah RM1000 dan ke bawah merupakan golongan SSE rendah.


Bagi dapatan kajian, pengkaji menumpukan kepada beberapa aspek penting iaitu peratusan pencapaian pelajar dalam PMR mengikut kelas sosial dan ekonomi, faktor komitmen ibubapa dalam pelajaran anak-anak berdasarkan kategori pencapaian pelajar, dan faktor-faktor lain yang memberi pengaruh kepada pencapaian pelajar seperti faktor tahap pendidikan ibu dan bapa.

Dapatan kajian ini adalah seperti berikut:

### **1. Prestasi akademik pelajar SSE Rendah, Sederhana, Sederhana Tinggi, dan Tinggi**


#### **1.1 Pencapaian pelajar dalam PMR berdasarkan kepada kelas sosial dan ekonomi (SSE)**






**Rajah 1: Peratus bagi pelajar SSE Rendah dalam pencapaian Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR)**

Berdasarkan rajah di atas, peratusan pencapaian pelajar dari kelas sosial ekonomi (SSE) yang rendah adalah terdiri dari pelajar yang tidak cemerlang dalam peperiksaan PMR. Peratusan pelajar yang tidak mendapat sebarang A dalam PMR merupakan yang tertinggi iaitu sebanyak (73%), diikuti peratus pelajar cemerlang iaitu pelajar yang mendapat 3A-5A sebanyak (11%), seterusnya berkongsi peratus yang sama ialah dari pelajar yang pencapaian mereka cemerlang dan kurang cemerlang dengan masing-masing (8%). Data menunjukkan perbezaan peratus yang amat ketara bagi pencapaian sangat cemerlang dan tidak cemerlang bagi pelajar dari SSE rendah.




**Rajah 2: Peratus bagi pelajar SSE Sederhana dalam pencapaian PMR**

Carta pai di atas menunjukkan peratus pencapaian pelajar dari kelas ekonomi sederhana dalam PMR. Daripada rajah di atas dapat dilihat peratus yang paling tinggi dalam pencapaian PMR ialah (45%) iaitu dalam kategori kurang cemerlang dengan pencapaian kurang dari 3A. Kemudian disusuli peratus untuk kategori pencapaian sederhana (3A-5A) sebanyak (25%) dan seterusnya (21%) bagi pencapaian kategori tidak cemerlang. Peratus yang paling rendah bagi pencapaian pelajar SSE sederhana iaitu sebanyak (16%) ialah pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam PMR.



**Rajah 3: Peratus bagi pelajar SSE Sederhana Tinggi dalam pencapaian PMR**

Carta pai yang seterusnya menunjukkan peratus pencapaian pelajar dari kelas ekonomi sederhana tinggi dalam PMR. Rajah menunjukkan peratus yang tertinggi ialah bagi pencapaian cemerlang iaitu 5A-3A iaitu sebanyak (45%). Seterusnya diikuti pencapaian sangat cemerlang; 6A dan lebih sebanyak (27%). Peratus yang seterusnya dimiliki oleh pencapaian yang lemah atau langsung tidak cemerlang -tiada A- iaitu sebanyak (18%). Peratus yang paling rendah ialah bagi pencapaian yang kurang cemerlang iaitu 2A-1A sebanyak (10%). Bagi kategori SSE sederhana tinggi dapat dilihat pelajar mengungguli pencapaian dua kategori teratas iaitu sangat cemerlang dan cemerlang.



**Rajah 4: Peratus bagi pelajar SSE Tinggi dalam pencapaian PMR**

Carta pai yang terakhir ini mewakili pencapaian pelajar SSE tinggi dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR). Rajah menunjukkan peratus yang tertinggi iaitu (54%) adalah bagi pencapaian sangat cemerlang, ini diikuti pencapaian cemerlang iaitu dengan peratus sebanyak (23%). Bagi pencapaian kurang cemerlang peratus yang diperolehi adalah sebanyak (8%) dan

merupakan peratus yang paling sedikit. Bagi pencapaian yang lemah peratus yang telah diperolehi adalah sebanyak (15%). Data ini menunjukkan pelajar dari SSE tinggi menguasai dua kategori teratas dengan peratusan yang tinggi.

### 1.2 Taburan bilangan dan peratusan Pelajar berdasarkan kategori kelas sosial ekonomi (SSE).

BIL	SSE	6(A) KE ATAS	5(A) - 3(A)	2(A) - 1(A)	TIADA (A)	JUMLAH
1.	SSE RENDAH	15	20	15	135	<b>185</b>
2.	SSE SEDERHANA	15	20	20	40	<b>95</b>
3.	SSE SEDERHANA TINGGI	75	25	5	10	<b>55</b>
4.	SSE TINGGI	35	15	5	10	<b>65</b>

**Table 1: Jadual menunjukkan bilangan pelajar mengikut SSE dengan pelbagai pencapaian.**

## **2. Dapatan tentang komitmen ibu bapa terhadap pencapaian pelajar.**

Selain daripada tujuan mencari pencapaian pelajar mengikut kelas atau status sosial dan ekonomi (SSE) pelajar, tujuan kami menjalankan kajian ini ialah untuk mengenalpasti komitmen ibu bapa terhadap pencapaian pelajar. Oleh yang demikian, bagi mendapatkan keputusan dan peratusan komitmen ibu bapa penyelidik telah memilih secara purata set jawapan soal selidik bagi setiap kategori pencapaian pelajar sebanyak lapan (8) set jawapan pelajar. Ini bermakna penyelidik telah menggunakan sebanyak 32 set soal selidik dalam mendapatkan peratus komitmen ibu bapa.

### **2.1 Komitmen ibu bapa bagi pelajar kategori pencapaian Lemah (Tiada A)**

SOALAN	SS (%)	S %	TS %	STS %
Ibu bapa memberi galakkan untuk belajar	10 (25)	30 (75)		
Ibu bapa meluangkan masa untuk membantu membuat kerja sekolah	5	30	5	

	(12.5)	(75)	12.5	
Ibu bapa menyediakan ruang yang selesa untuk belajar dan mengulangkaji.	30 (75)	5 (12.5)	5 (12.5)	
Ibu bapa membekalkan buku rujukan tambahan selain buku teks		20 (50)	20 (50)	
Ibu bapa menghantar mengikuti kelas tambahan (tusyen) berbayar di luar sekolah	10 (25)	5 (12.5)	5 (12.5)	20 (50)
Ibu bapa memberi pujian, galakan, ganjaran atau hadiah sekiranya cemerlang di dalam peperiksaan	15 (37.5)	15 (37.5)		10 (25)
Ibu bapa mengambil berat tentang apa yang saya pelajari di sekolah	5 (12.5)	15 (37.5)	5 (12.5)	15 (37.5)
Ibu bapa menyemak buku kerja/buku latihan	20 (50)	5 (12.5)	15 (37.5)	
Ibu bapa mengupah guru peribadi datang ke rumah untuk mengajar subjek tertentu kepada	15 (37.5)	5 (12.5)	10 (25)	10 (25)

Daripada jadual di atas dapatan penyelidik menyatakan (25%) responden sangat setuju dan (75%) setuju bahawa ibu bapa memberi galakkan kepada mereka untuk belajar. (12.5%) sangat setuju dan (75%) setuju ibu bapa meluangkan membantu membuat kerja sekolah. Seterusnya 75% responden sangat setuju dan 12.5% setuju ibu bapa menyediakan ruang yang selesa untuk belajar. 50% responden setuju mereka dibekalkan buku rujukan tambahan oleh ibu bapa. Hanya 25% responden sangat setuju dan 12.5% responden setuju ibu bapa menghantar ke kelas tusyen. Kebanyakan responden iaitu 37.5% sangat setuju dan 37.5% setuju mereka akan menerima pujian, galakan, ganjaran atau hadiah jika berjaya dalam peperiksaan. Sebanyak 12.5% sangat setuju dan 37.5% responden setuju ibu bapa mengambil berat tentang apa yang dipelajari di sekolah. Seterusnya majoriti iaitu dengan peratus sebanyak 50% bagi sangat setuju dan 12.5% responden setuju ibu bapa menyemak buku kerja dan buku latihan mereka. Akhir sekali sebanyak 37% responden sangat setuju dan 12.5% pelajar setuju ibu bapa mereka mengupah guru peribadi.

## 2.2 Komitmen ibu bapa bagi pelajar kategori pencapaian Kurang Cemerlang (2A-1A)

SOALAN	SS %	S %	TS %	STS %
Ibu bapa memberi galakkan untuk belajar	25 (62.5)	15 (37.5)		
Ibu bapa meluangkan masa untuk membantu membuat kerja sekolah		25 (62.5)	10 (25)	5 (12.5)
Ibu bapa menyediakan ruang yang selesa untuk belajar dan mengulangkaji.	25 (62.5)	15 (37.5)		
Ibu bapa membekalkan buku rujukan tambahan selain buku teks	15 (37.5)	25 (62.5)		
Ibu bapa menghantar mengikuti kelas tambahan (tusyén) berbayar di luar sekolah	25 (50)	5 (25)	5 (12.5)	5 (12.5)
Ibu bapa memberi pujian, galakan, ganjaran atau hadiah sekiranya cemerlang di dalam peperiksaan	10 (25)	30 (75)		
Ibu bapa mengambil berat tentang apa yang saya pelajari di sekolah	15 (37.5)	20 (50)	5 (12.5)	
Ibu bapa menyemak buku kerja/buku latihan		20 (50)	5 (12.5)	15 (37.5)
Ibu bapa mengupah guru peribadi datang ke rumah untuk mengajar subjek tertentu kepada		5 (12.5)	5 (12.5)	30 (75)

Jadual 2.2 menunjukkan peratusan pelbagai komitmen ibu bapa dalam dalam pencapaian pelajar kurang cemerlang iaitu pelajar yang mendapat 2A-1A. Data menunjukkan bahawa 62.5% sangat setuju dan 37.5% setuju terhadap komitmen ibu bapa dalam memberi galakkan untuk belajar. Sebanyak 62.5% responden setuju ibu bapa mereka meluangkan masa membantu mereka membuat kerja sekolah. Seterusnya sebanyak 50% responden sangat setuju dan 12.5% responden setuju tentang komitmen ibu bapa dalam menyediakan ruang yang selesa untuk belajar. Bagi komitmen ibu bapa menyediakan buku rujukan tambahan sebanyak 50% responden sangat setuju dan 12.5% setuju. Sebanyak 62.5% responden sangat setuju dan 37.5% pelajar setuju ibu bapa memberi komitmen dalam membekalkan mereka dengan buku rujukan tambahan. Selanjutnya, 37.5% responden sangat setuju dan baki 62.5% setuju ibu bapa menghantar mereka ke kelas

tusyen. 50% responden sangat setuju dan 25% setuju ibu bapa memberi pujian, galakkan, ganjaran atau hadiah sekiranya cemerlang dalam peperiksaan. 25% responden sangat setuju dan baki 75% setuju ibu bapa mengambil berat tentang apa yang dipelajari di sekolah. Sebanyak 37.5% responden sangat setuju dan 50% setuju ibu bapa menyemak buku kerja dan latihan. Seterusnya hanya 12.5% responden bersetuju tentang ibu bapa mengupah guru peribadi ke rumah untuk mengajar subjek tertentu.

### 2.3 Komitmen ibu bapa bagi pelajar kategori pencapaian Cemerlang (3A-5A)

SOALAN	SS %	S %	TS %	STS %
Ibu bapa memberi galakkan untuk belajar	25 (62.5)	15 (37.5)		
Ibu bapa meluangkan masa untuk membantu membuat kerja sekolah	5 (12.5)	20 (50)	15 (37.5)	
Ibu bapa menyediakan ruang yang selesa untuk belajar dan mengulangkaji.	20 (50)	15 (37.5)	5 (12.5)	
Ibu bapa membekalkan buku rujukan tambahan selain buku teks	20 (50)	10 (25)	10 (25)	
Ibu bapa menghantar mengikuti kelas tambahan (tusyen) berbayar di luar sekolah	10 (25)	25 (62.5)	5 (12.5)	
Ibu bapa memberi pujian, galakan, ganjaran atau hadiah sekiranya cemerlang di dalam peperiksaan	20 (50)	20 (50)		
Ibu bapa mengambil berat tentang apa yang saya pelajari di sekolah	15 (37.5)	20 (50)	5 (12.5)	
Ibu bapa menyemak buku kerja/buku latihan		10 (25)	25 (62.5)	5 (12.1)
Ibu bapa mengupah guru peribadi datang ke rumah untuk mengajar subjek tertentu kepada	10 (25)	15 (37.5)	15 (37.5)	

Jadual 2.3 menunjukkan bilangan dan peratus pelbagai komitmen ibu bapa dalam pencapaian pelajar cemerlang iaitu kategori 3A-5A. Peratusan yang menggalakkan dalam galakkan daripada ibu bapa untuk belajar iaitu sebanyak 62.5% responden sangat setuju dan baki 37.5% responden setuju. 12.5% responden sangat setuju dan 50% setuju ibu bapa membantu membuat kerja sekolah. Komitmen ibu bapa yang berikutnya, sebanyak 50% responden sangat setuju dan 37.5% setuju ibu bapa menyediakan ruang yang selesa untuk belajar. 50% sangat setuju dan 25% setuju ibu bapa membekalkan buku rujukan selain buku teks. Seterusnya 25% responden sangat setuju dan 62.5% setuju ibu bapa menghantar ke kelas tuisyen di luar sekolah. Dalam komitmen ibu bapa untuk memberi pujian dan galakkan serta ganjaran atau hadiah, sebanyak 50% responden sangat setuju dan baki 50% telah bersetuju. Peratus seterusnya menunjukkan 37.5% responden sangat setuju dan 50% setuju dengan komitmen ibu bapa mengambil berat tentang apa yang di pelajari di sekolah. Hanya 25% responden setuju ibu bapa menyemak buku/ buku latihan mereka. Akhir sekali 25% responden sangat setuju dan 37.5% responden setuju ibu bapa mengupah guru peribadi datang ke rumah.

#### 2.4 Komitmen ibu bapa bagi pelajar kategori pencapaian Sangat Cemerlang (6A & Lebih)

SOALAN	SS %	S %	TS %	STS %
Ibu bapa memberi galakkan untuk belajar	30 75	10 25		
Ibu bapa meluangkan masa untuk membantu membuat kerja sekolah		20 50	20 50	
Ibu bapa menyediakan ruang yang selesa untuk belajar dan mengulangkaji.	25 62.5	10 25	5 12.5	
Ibu bapa membekalkan buku rujukan tambahan selain buku teks	20 50	20 50		
Ibu bapa menghantar mengikuti kelas tambahan (tuisyen) berbayar di luar sekolah	15	15	5	5

	37.5	37.5	12.5	12.5
Ibu bapa memberi pujian, galakan, ganjaran atau hadiah sekiranya cemerlang di dalam peperiksaan	20 50	20 50		
Ibu bapa mengambil berat tentang apa yang saya pelajari di sekolah	15 37.5	20 50	5 12.5	
Ibu bapa menyemak buku kerja/buku latihan		5 12.5	30 75	5 12.5
Ibu bapa mengupah guru peribadi datang ke rumah untuk mengajar subjek tertentu kepada		5 12.5	5 12.5	30 75

Merujuk kepada rajah 2.3 menunjukkan dapatan penyelidik bagi komitmen ibu bapa bagi pencapaian pelajar kategori sangat cemerlang. Jadual menunjukkan (75%) responden sangat setuju dan (25%) setuju bahawa ibu bapa memberi galakkan kepada mereka untuk belajar. (50%) responden setuju ibu bapa meluangkan masa membantu membuat kerja sekolah. Seterusnya 62.5% responden sangat setuju dan 25% setuju ibu bapa menyediakan ruang yang selesa untuk belajar. 50% responden sangat setuju dan 50% setuju mereka dibekalkan buku rujukan tambahan oleh ibu bapa. 37.5% responden sangat setuju dan 37.5% responden setuju ibu bapa menghantar mereka ke kelas tuisyen. 50% responden sangat setuju dan 50% setuju mereka akan menerima pujian, galakan, ganjaran atau hadiah jika berjaya dalam peperiksaan. Sebanyak 37.5% sangat setuju dan 50% responden setuju ibu bapa mengambil berat tentang apa yang dipelajari di sekolah. Seterusnya hanya sebanyak 12.5% responden setuju ibu bapa menyemak buku kerja dan buku latihan mereka. Akhir sekali hanya 12.5% responden setuju ibu bapa mereka mengupah guru peribadi.

### 3. Faktor lain yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam PMR

#### 3.1 Pendidikan Bapa

BIL	KELULUSAN	TIADA (A) %	1 (A) - 2 (A) %	3 (A) - 5(A) %	6 (A) & LEBIH %
1.	SPM/MCE	15 <b>37.5</b>	20 <b>50</b>	15 <b>37.5</b>	20 <b>62.5</b>



2.	STPM		5 <b>12.5</b>	5 <b>12.5</b>	
3.	SIJIL/DIPLOMA	10 <b>25</b>	5 <b>12.5</b>	10 <b>25</b>	5 <b>12.5</b>
4.	IJAZAH		10 <b>25</b>	5 <b>12.5</b>	5 <b>12.5</b>
5.	MASTER			5 <b>12.5</b>	5 <b>12.5</b>
6.	PHD				
7.	LAIN-LAIN	15 <b>37.5</b>			
	JUMLAH	40	40	40	40

Jadual di atas menunjukkan taburan peratus untuk tingkat kelulusan bapa dalam pendidikan bagi 160 orang responden mengikut pencapaian mereka. Berdasarkan jadual di atas, dapat dilihat bahawa pendidikan bapa bagi responden yang tidak mendapat sebarang A dalam PMR mereka terdiri daripada 37.5% mempunyai kelulusan SPM, 25% mempunyai sijil atau diploma dan selebihnya 37.5% tiada kelulusan. Bagi responden yang pencapaian mereka kurang cemerlang 50% bapa mereka berkelulusan SPM, bagi kelulusan peringkat STPM, sijil dan diploma masing-masing ialah 12.5%, dan baki 25% mewakili 2 daripada 8 orang responden menunjukkan bapa berkelulusan ijazah. Seterusnya bagi pencapaian cemerlang iaitu 3A-5A; bapa responden terdiri daripada mereka yang berkelulusan SPM 37.5%, STPM 12.5%, sijil dan diploma 25%, ijazah 12.5% dan master 12.5%. Bagi responden yang mendapat pencapaian cemerlang pula, 62.5% bapa mereka berkelulusan SPM dan berkongsi peratus yang sama ;12.5% untuk sijil dan diploma, 12.5% ijazah dan 12.5% untuk master.

### 3.2 Pendidikan Ibu

Bil	KELULUSAN	TIADA (A) %	1(A) - 2(A) %	3(A) - 5(A) %	6 (A) & LEBIH %

1.	SPM/MCE	35 <b>87.5</b>	15 <b>37.5</b>	15 <b>37.5</b>	20 <b>50</b>
2.	STPM	5 <b>12.5</b>	5 <b>12.5</b>	5 <b>12.5</b>	5 <b>12.5</b>
3.	SIJIL/DIPLOMA		10 <b>25</b>	5 <b>12.5</b>	
4.	IJAZAH		10 <b>25</b>	5 <b>12.5</b>	10 <b>25</b>
5.	MASTER			5 <b>12.5</b>	
6.	PHD				
7.	LAIN-LAIN			5 <b>12.5</b>	5 <b>12.5</b>
	JUMLAH	40	40	40	40

Bagi peratus pendidikan ibu pula boleh dilihat dalam rajah 3.2. Berdasarkan rajah diatas, dapat dilihat bahawa pendidikan ibu bagi responden yang tidak mendapat sebarang A dalam PMR terdiri daripada 87.5% mempunyai kelulusan SPM, 12.5% mempunyai berkelulusan STPM. Bagi responden yang pencapaian mereka kurang cemerlang 37.5% ibu mereka berkelulusan SPM, STPM 12.5%, bagi kelulusan peringkat sijil/diploma dan ijazah masing-masing berkongsi peratus iaitu sebanyak 25% untuk sijil/diploma dan 25% untuk ijazah. Seterusnya bagi pencapaian cemerlang iaitu 3A-5A; ibu responden terdiri daripada mereka yang berkelulusan SPM 37.5%, STPM 12.5%, sijil dan diploma 12.5%, ijazah 12.5% dan master 12.5%. Bagi responden yang pencapaian cemerlang pula, 50% ibu mereka berkelulusan SPM, STPM 12.5%, dan ijazah 25%.

#### 4. Soalan kajian

**Soalan 1:** Sejauh manakah komitmen ibu bapa dalam membantu meningkatkan prestasi anak-anak mereka dalam peperiksaan?

Berdasarkan dapatan penyelidikan, didapati kebanyakan ibu bapa memberi komitmen yang sewajarnya kepada pelajar dengan menghantarkan mereka menghadiri tuisyen, membeli buku rujukan, memberi sokongan dan galakkan, menyediakan ruang yang selesa untuk mereka belajar dan sebagainya. Dilihat tiada banyak perbezaan antara komitmen ibu bapa bagi responden yang mempunyai pencapaian yang lemah dan responden yang mempunyai pencapaian yang sangat cemerlang.

**Soalan 2:** Benarkah SSE mempengaruhi pencapaian akademik pelajar?

Berdasarkan dapatan penyelidikan, didapati SSE memberi pengaruh kepada pencapaian pelajar dalam pelajaran mereka di mana bagi responden SSE rendah peratus tertinggi iaitu 73% terdiri dari mereka yang mempunyai pencapaian yang lemah dengan tidak memperolehi sebarang A. Manakala bagi responden SSE tinggi pula, peratus yang tertinggi iaitu 54% terdiri daripada pelajar berpencapaian sangat cemerlang.

**Soalan 3:** Sejauh manakah komitmen ibu bapa dalam membantu meningkatkan prestasi anak-anak mereka dalam peperiksaan?

Soalan ini dijawab berdasarkan temubual yang dijalankan ke atas guru berpengalaman dan guru kaunseling di sekolah. Menurut responden, tiada perbezaan yang begitu ketara dalam komitmen ibu bapa antara pelajar lemah dan cemerlang dari segi memberi galakkan kepada pelajar, akan tetapi dapat dilihat perbezaan dalam komitmen ibu bapa apabila pelajar yang dibekalkan buku rujukan tambahan dan diberi pengukuhan terdiri daripada pelajar yang sangat cemerlang dan cemerlang dan kebanyakan mereka terdiri dari pelajar SSE tinggi dan sederhana tinggi.

**Soalan 4:** Apakah kelebihan-kelebihan yang diperolehi oleh pelajar SES tinggi dan SES rendah dalam membantu mencapai kejayaan dalam PMR?

Berdasarkan temuramah yang dijalankan, antara kelebihan yang dibekalkan oleh ibu bapa daripada SES tinggi kepada anak mereka bagi membantu dalam pencapaian mereka ialah penyediaan buku rujukan, menghantar anak mereka menghadiri kelas tambahan (tuisyen) & mengupah guru upahan untuk datang ke rumah. Selain daripada itu, faktor ganjaran juga menjadi penyebab kepada kesungguhan murid selain dari galakkan yang diberi.

**Soalan 5:** Apakah komitmen ibu bapa SSE tinggi dan SSE rendah dalam membantu anak-anak mereka mencapai kejayaan?

Berdasarkan temubual yang dijalankan, tiada banyak perbezaan antara komitmen ibu bapa dari SSE tinggi dan ibu bapa dari SSE rendah, akan tetapi seperti jawapan kepada soalan 3 dan 4 perbezaan yang dapat dilihat terhadap komitmen ibu bapa ialah dari segi penyediaan perkara tambahan seperti buku rujukan dan pengupahan guru peribadi untuk mengajar subjek-subjek tertentu.

## **PERBINCANGAN & RUMUSAN**

Kajian ini menunjukkan latar belakang status sosio ekonomi (SSE) serta komitmen ibu bapa mempunyai kaitan rapat terhadap pencapaian anak-anak mereka dalam Penilaian Menengah

Rendah (PMR). Selain itu, taraf pendidikan ibu bapa juga merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam PMR.

Murid yang mendapat pencapaian 6A dan lebih dalam PMR adalah terdiri daripada murid yang ibu bapanya berpendapatan tinggi, anak pekerja professional, taraf pendidikan ibu bapa tinggi, mendapat sokongan daripada ibu bapa dan mempunyai aspirasi professional. Manakala murid yang mendapat keputusan cemerlang dalam PMR iaitu 5A hingga 3A pula terdiri daripada murid yang ibu bapanya berpendapatan sederhana tinggi, anak pekerja professional, taraf pendidikan ibu bapa tinggi, mendapat sokongan daripada ibu bapa dan mempunyai aspirasi professional. Murid yang mendapat keputusan kurang cemerlang dalam PMR iaitu 2A hingga 1A pula terdiri daripada murid yang ibu bapanya berpendapatan sederhana, anak pekerja perkhidmatan, taraf pendidikan ibu bapa sederhana, mendapat sokongan daripada ibu bapa dan mempunyai aspirasi kerja perkhidmatan. Murid yang mendapat keputusan tidak cemerlang atau tiada sebarang A dalam PMR pula terdiri daripada murid yang ibu bapanya berpendapatan rendah, anak pekerja perkhidmatan, taraf pendidikan ibu bapa rendah, mendapat sokongan daripada ibu bapa dan mempunyai aspirasi kerja perkhidmatan.

### **Perbincangan & Rumusan Latar Belakang Sosial**

Hasil daripada perbincangan ini dapatlah dirumuskan, bahawa perbezaan pencapaian dikalangan murid-murid disebabkan perkara-perkara berikut:

1. Ciri-ciri latarbelakang seperti status sosio-ekonomi keluarga.
2. Status pendidikan ibu bapa.
3. Komitmen ibu bapa terhadap anak-anak.

Perbezaan pencapaian dikalangan murid-murid disebabkan ciri-ciri latarbelakang seperti status sosio-ekonomi keluarga, jenis keluarga, saiz keluarga dinyatakan oleh Jencks et. al. (1972) Boocock (1972), Alvarez's (1989), Haron (1977) dan Hess dan Holloway (1984). Kajian kes ini pada umumnya ada kesamaan dengan dapatan kajian Jencks et. al. (1972) iaitu terdapat keadaan ketidaksamaan dalam pendidikan murid-murid kerana beberapa kesan daripada faktor keluarga. Boocock (1972) menyatakan pengaruh-pengaruh dalam pencapaian akademik seseorang bergantung kepada jenis keluarga, taraf pendidikan keluarga, jenis pekerjaan ibubapa, pendapatan keluarga dan faktor keupayaan individu dalam keluarga tersebut.

Selain itu juga, Orr (2003) menyatakan kekayaan & sokongan keluarga memberi impak yang positif dalam motivasi dan inspirasi di kalangan kanak-kanak sekolah. Modal ekonomi iaitu pendapatan tinggi dan sederhana membantu ibubapa membeli bahan/sumber-sumber pendidikan seperti buku, komputer, sekolah swasta, tutor dan lain-lain simbol satus.

Ibu bapa yang mempunyai pendapatan kukuh kurang mendapat masalah dalam membantu anak-anak mencapai pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Ini tidak berbeza sangat dengan dapatan Abdullah et. al (1989) dan Alvarez iaitu: Murid daripada sttus sosio-ekonomi tinggi mendapat pencapaian akademik yang lebih baik berbanding dengan murid daripada status sosio-ekonomi rendah dan sederhana. Keluarga yang berada mempunyai peluang-peluang yang lebih untuk membeli bahan pendidikan atau mengadakan kelas bimbingan tambahan.

Persekitaran pembelajaran yang lebih baik boleh diadakan apabila pendapatan keluarga tinggi. Kajian Haron (1977) juga menunjukkan pengaruh status sosio-ekonomi terhadap pencapaian pendidikan dan akademik.

Beberapa aspek kajian kes ini menyerupai kajian Alexander (1997) iaitu ciri-ciri latar belakang seperti status sosio-ekonomi keluarga, jantina, jenis keluarga, dan saiz keluarga, sikap dan nilai ibubapa, serta amalan sosialisasi dalam keluarga, dan sumber sendiri kanak-kanak seperti sikap terhadap diri, matapelajaran dan terhadap sekolah memainkan peranan penting dalam pencapaian pelajaran.

Murid yang mendapat pencapaian yang tinggi dalam PMR adalah mempunyai ciri-ciri berikut: terdiri daripada murid yang ibu bapanya berpendapatan tinggi, anak pekerja professional, taraf pendidikan ibu bapa tinggi, mendapat sokongan daripada ibu bapa dan mempunyai aspirasi professional.

Implikasinya ialah jika seseorang itu mahu berjaya dalam pelajaran khususnya dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), faktor-faktor di atas perlu diambil kira dalam kehidupan seorang murid sebagai pelajar. Kepada guru, latar belakang sosial murid adalah penting dalam pengajaran dan kejayaan pengajaran di sekolah. Perkara ini harus diberi perhatian yang penting kerana pengajaran di sekolah sahaja tidak mencukupi bagi kejayaan seseorang murid sekolah.

Murid yang lemah dalam peperiksaan pula terdiri daripada pelajar SSE rendah. Antara ciri-ciri pelajar daripada SSE rendah, majoriti mereka mempunyai konsep sendiri yang lemah termasuklah tidak mempunyai cita-cita, tidak mempunyai tahap keyakinan yang tinggi untuk lulus peperiksaan, mudah terpengaruh dengan rakan sebaya yang tidak bersekolah, menjadi liar kerana pengaruh tidak sihat kawan-kawan remaja di luar sekolah dan tidak pandai menguruskan masa sendiri, memberikan lebih tumpuan kepada aktiviti yang tidak menjurus kepada kecemerlangan akademik, dan terlibat dalam aktiviti salah laku (BPPDP, 1996).

Ibubapa daripada SSE rendah tidak mampu menyediakan tempat tinggal yang kondusif. Apa yang mampu adalah menyediakan tempat kediaman yang sesak dan bising seperti rumah pangsa dan kawasan setinggan di bandar dan pinggir bandar tidak menyediakan suasana yang kondusif untuk pelajar mengulangkaji pelajaran, sebaliknya menjadi faktor penolak pada pelajar untuk membuang masa dengan melepak.

Sebaliknya, persekitaran keluarga yang kondusif membolehkan anak-anak atau murid belajar dengan lebih baik dan mendapat pencapaian yang lebih baik daripada persekitaran keluarga yang kurang selesa dalam persekitaran pembelajaran anak-anak. Alvarez (1989) megatakan,

*“...children who come from families of educated parents and high family income tend to have a more stimulating learning environment and thus would do better in school than those otherwise...”* (Alvarez 1989:63).

Oleh sebab itu, guru juga perlu faham pengaruh latar belakang keluarga dan menyesuaikan pedagogi mereka untuk memaksimakan pembelajaran dikalangan murid-murid.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini adalah menunjukkan bahawa latar belakang status sosio ekonomi (SSE) serta komitmen ibu bapa mempunyai kaitan rapat terhadap pencapaian anak-anak mereka dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR). Selain itu juga, taraf pendidikan ibu bapa juga merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam PMR.

Hakikatnya, guru, ibu bapa serta pelajar perlu dan mesti mengubah sikap dan pemikiran daripada yang negatif, ambil mudah, dan “tidak apa” kepada yang lebih positif, bersungguh-sungguh dan berdaya saing, dan mempunyai jati diri yang tinggi. Bagi meningkatkan pencapaian akademik pelajar, strategi ke arah memperkukuhkan penguasaan kemahiran asas pembelajaran dan perubahan minda pelajar dan masyarakat perlu menjadi agenda utama semua pihak dan tumpuan khusus diberi kepada orang Melayu miskin.

Persekitaran keluarga yang miskin tidak menyediakan peluang yang mencukupi dan suasana yang kondusif bagi perkembangan maksimum aspek motor, kognitif, dan sosioemosi anak-anak sejak dari kecil. Ibu bapa perlu berusaha menyediakan peluang dan suasana pembelajaran yang selesa untuk anak-anak mereka dalam usaha membantu meningkatkan prestasi anak-anak dalam pendidikan.

Pembasmian kemiskinan di kalangan pelajar perlu dibanteras. Ini adalah kerana kemiskinan mengakibatkan kesihatan rendah, pendidikan terabai, ilmu dangkal, tiada keyakinan diri, dan maruah diri rendah.

Selain itu juga, peranan ibu bapa dan sekolah perlu dijalin ke arah membentuk sahsiah seseorang pelajar. Antara program yang boleh dijalankan ialah pusat sumber ibu bapa, *school-van house call*, dan ibu bapa melibatkan diri di sekolah.

Guru merupakan input pengajaran yang amat penting untuk memastikan kejayaan pelajar. Selain itu pencapaian pelajar juga dipengaruhi oleh kaedah pengajaran seseorang guru. Guru seharusnya bijak menggunakan teknik-teknik serta kaedah-kaedah yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran untuk menarik minat dan perhatian pelajar selain mengetahui tentang pengaruh latar belakang keluarga seseorang pelajar.

### Rujukan:

Abdullah Mohd Noor. 2005 “Pencapaian Bahasa Inggeris dan Matematik Serta Kaitan Dengan Latarbelakang Sosial Murid: Perspektif Sosiologikal”, dalam STUDIES IN EDUCATION. Vol. 9, No. 1, 2004. SHBIE, Universiti Brunei Darussalam, muka surat 97-107.

Faridah Abu Hassan, Naimah Ishak, Hamidah Yusof dan Habibah Abdul Rahim. 2005. “Kemiskinan Dan Pendidikan: Perubahan Minda Orang Melayu Ke Arah Kecemerlangan Pendidikan Akademik”. Jurnal Penyelidikan Pendidikan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia, Jilid 7. muka surat 27-73.

14<sup>th</sup> International Conference on Education. Theme: *Bridging Words: Making Connections in Education*. 21<sup>th</sup> – 24<sup>th</sup> May 2009. By Sultan Hassanah Bolkiah Institute of Education Universiti Brunei Darussalam.

Webb, R.B & Sherman, R.R. (1989). *Schooling and societies*. NY: Macmillan Pub Co.